

Kempen serius tingkat kesedaran masyarakat lindungi kanak-kanak

Oleh ROSMAWATI MION
pengarang@utusan.com.my

JENAYAH seksual membabitkan kanak-kanak kini semakin meruncing dan membimbangkan, apatah lagi umum tidak mengetahui jumlah sebenar kes terbit kerana masih ramai mangsa atau ahli keluarga yang enggan tampil ke hadapan untuk melaporkan jenayah tersebut.

Menurut statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM), sebanyak 12,025 kes pelbagai jenayah seksual membabitkan kanak-kanak di bawah umur 18 tahun dilaporkan sehingga Oktober tahun lalu.

Apa yang membimbangkan, jumlah itu dipercayai hanyalah sebahagian kecil daripada jumlah sebenar kerana kebanyakan ibu bapa mangsa enggan membuat laporan polis kerana malu demi menjaga nama baik keluarga.

Oleh itu, kesedaran yang tinggi amat diperlukan dalam kalangan masyarakat bagi membantu kerajaan membawa perubahan legislatif untuk mencegah jenayah tersebut kerana melindungi kanak-kanak daripada sebarang perbuatan jenayah adalah tanggungjawab semua pihak.

Seminar Jenayah Seksual Kanak-Kanak: Hentikan! ini telah berlangsung pada 13 hingga 14 Mac lalu di Kuala Lumpur, merupakan anjuran bersama Program Permata, Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, PDRM dan juga pertubuhan bukan kerajaan serta disokong oleh rakan strategik media.

Seminar itu yang dipelopori oleh isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor menjadi langkah permulaan dalam usaha menangani dan seterusnya membasmi jenayah seksual terhadap kanak-kanak di negara ini.

Seminar diadakan untuk meningkatkan kesedaran tentang jenayah seksual kanak-kanak dan cara melindungi mereka daripada sebarang ancaman penjenayah.

Rosmah semasa berucap menutup seminar itu mengharapkan program seperti itu dapat diadakan di peringkat negeri bagi memastikan apa yang dibincang dan telah ditetapkan di seminar itu dapat meresap sehingga ke peringkat akar umbi, sekali gus menyedarkan masyarakat keseluruhannya betapa seriusnya jenayah tersebut.



SEMINAR Jenayah Seksual Kanak-Kanak: Hentikan! yang dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mendapat sambutan menggalakkan daripada masyarakat.

Beliau juga mengharapkan kerjasama yang diberikan oleh semua pihak dapat diteruskan, malah diperkukuhkan lagi agar langkah susulan yang bakal diambil dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Antara langkah itu adalah mewujudkan akta baharu berkaitan jenayah seksual kanak-kanak. Sebelum itu, berita yang menggembarakan telahpun diumumkan Perdana Menteri semasa merasmikan seminar tersebut apabila memberitahu bahawa Rang Undang-Undang Kesalahan-Kesalahan Seksual Kanak-Kanak 2017 iaitu undang-undang baharu khusus bagi menangani jenayah seksual kanak-kanak bakal dibentangkan dalam sidang Parlimen kali ini.

Undang-undang baharu itu difahamkan sama sekali tidak akan bertindih dengan peruntukan undang-undang sedia ada dalam Kanun Keseksuan, Kanun Tatacara Jenayah dan Akta Keterangan.

Menurut Penggubal Undang-Undang Parlimen Jabatan Perdana Menteri, Datuk Iliani Mohd. Ibrahim, pertindihan tidak berlaku disebabkan akta baharu itu lebih menyeluruh dan terperinci dalam membicarakan tentang kesalahan jenayah seksual terhadap kanak-kanak termasuk mengam-

bil kira perkembangan teknologi semasa, kerana kira-kira 75 peratus pengguna Internet adalah dalam kalangan kanak-kanak yang berusia antara 10 hingga 17 tahun.

Undang-undang baharu itu merangkumi kesalahan jenayah seksual kanak-kanak yang tidak disebut dalam undang-undang sedia ada termasuk pornografi dan persediaan seksual kanak-kanak serta cadangan perundangan lain secara berkesinambungan, komprehensif dan holistik.

Malah, kerajaan juga bercadang mewujudkan satu mahkamah Jenayah khas bagi mengendalikan prosiding jenayah seksual kanak-kanak yang menjadi mangsa.

Mahkamah itu bagi membantu kerajaan mencapai hasrat untuk melindungi kanak-kanak secara holistik serta mempercepatkan prosiding perceraian kes membabitkan 'permata' negara ini.

Seminar itu juga menjadi medan perbincangan dan perkongsian pengalaman antara pakar-

pakar di dalam dan luar negara yang mengupas tentang isu dan cabaran yang dihadapi untuk mencari penyelesaian terbaik dalam menangani dan membasmi jenayah seksual kanak-kanak.

Turut berkongsi pengalaman adalah bekas Presiden Indonesia, Megawati Soekarno-putri yang menekankan bahawa kekerasan terhadap wanita dan kanak-kanak adalah kejahatan paling keji terhadap kemanusiaan. Namun, masalah itu tidak boleh ditangani tanpa kerjasama daripada semua pihak.

Menurut beliau, kekerasan dalam rumahtangga terhadap wanita dan anak-anak berlaku kerana budaya kita tidak mengizinkan kekerasan dalam rumahtangga didedahkan kepada umum, kerana hal tersebut dianggap tabu.

Ketika menyampaikan perutusan khasnya tentang kerjasama rantau ASEAN dalam membataskan jenayah seksual kanak-kanak itu berkata, nilai dan tradisi itulah yang harus diubah oleh masyarakat.

Antara topik lain yang hangat dibincangkan adalah tentang kurangnya kesedaran dan pemahaman berkaitan perlakuan yang menjurus kepada jenayah seksual membabitkan kanak-kanak.

Oleh itu, kanak-kanak perlu dididik agar mereka memahami perlakuan yang tidak sepatutnya dilakukan oleh orang lain ke atas tubuh mereka walaupun oleh ahli keluarga mereka sendiri.

Sebabnya, daripada 89 peratus jenayah seksual yang berlaku dari 2014 hingga 2016 melibatkan kanak-kanak di bawah usia 18 tahun menunjukkan bahawa pelaku adalah individu yang dike-

nali dan dipercayai oleh mangsa seperti ahli serta kenalan keluarga, kawan, jiran, orang dewasa di sekolah mahupun asrama.

Dalam seminar itu juga ditekankan bahawa mangsa atau ibu bapa tidak perlu berasa malu untuk tampil melaporkan kejadian yang berlaku, kerana keengganan mereka berbuat demikian hanya memburukkan lagi keadaan mangsa di masa akan datang kerana kemungkinan jenayah yang sama boleh berulang.

Seminar itu juga berjaya menghimpunkan pelbagai resolusi daripada lapan kumpulan sasar bagi mencari pendekatan terbaik untuk menangani jenayah seksual membabitkan kanak-kanak di Malaysia.

Lapan kumpulan itu merangkumi ibu bapa, warga pendidik, agensi kerajaan, media, kumpulan kanak-kanak, remaja dan pelajar serta pertubuhan bukan kerajaan.

Resolusi itu antaranya menyentuh tentang pendidikan seks yang wajib diajar kepada kanak-kanak seawal usia tiga tahun, bukan sahaja oleh guru tetapi ibu bapa, memberikan lebih latihan kepada kaunselor terutamanya di sekolah rendah, perkasakan kursus-kursus bersesuaian untuk guru terutamanya guru kaunseling, mewujudkan satu platform yang boleh diayakni oleh pelajar bagi menarik minat mereka berkongsi masalah, menggunakan aplikasi dalam talian sebagai kaedah untuk mangsa menceritakan kisah mereka dan mengadakan lebih banyak program pendidikan mengenai jenayah seksual kanak-kanak.



KETUA Setiausaha Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Dr. Sharifah Zarah Syed Ahmad yang mewakili agensi kerajaan berucap ketika menjadi moderator pada Seminar Jenayah Seksual Kanak-Kanak: Hentikan!



MASYARAKAT khususnya mereka yang prihatin terhadap isu jenayah seksual kanak-kanak tidak melepaskan peluang menghadiri seminar Jenayah Seksual Kanak-Kanak: Hentikan! pada 13 hingga 14 Mac lalu.